



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-9/1/1 (2)

Tarikh : 27 OKTOBER 2021

PROGRAM SUMBANGAN DEEPAVALI TAHUN 2021

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi meneruskan usaha tanggungjawab sosialnya dengan menganjurkan Program Sumbangan Deepavali Tahun 2021 bertempat di Tingkat 1, Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ.

Program sumbangan ini merupakan program tahunan Majlis yang bertujuan memberi khidmat komuniti dalam membantu meringankan beban golongan B40 yang berpendapatan RM 2,000.00 kebawah terutamanya dalam kalangan ibu tunggal, warga emas, dan keluarga yang mempunyai tanggungan anak ramai untuk menyambut sambutan perayaan Deepavali pada 4 November 2021.

Sambutan Deepavali pada tahun ini lebih bermakna buat 80 keluarga masyarakat india yang terpilih di Petaling Jaya apabila menerima sumbangan berupa wang tunai RM 250.00 daripada MBPJ. Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir turut hadir meluangkan masa untuk beramah mesra dengan penerima terpilih dan pada masa yang sama menyampaikan sumbangan tersebut.

Penganjuran program ini juga bertujuan untuk mendekati, membantu serta memberi perhatian kepada golongan berkenaan sebagai usaha untuk mengeratkan lagi hubungan mesra dan penuh kasih sayang antara Majlis dan masyarakat di Petaling Jaya.

Selain itu, ianya selaras dengan Pelan Pembangunan Bandar sebagai *Inclusive City* yang mengambilkira keperluan dan penglibatan semua golongan serta golongan miskin di dalam perancangan pembangunan sosial.

Untuk makluman, penerima sumbangan ini merupakan peserta yang berdaftar di bawah **Program Pembangunan Komuniti Bandar MBPJ**.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya